

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Borneo

TARIKH : Sabtu, 14 Oktober 2017

Manuskrip bukti kewujudan tamadun Melayu

- Utusan Borneo (Sarawak)
- 14 Oct 2017



— *Gambar Bernama*FOKUS: Para peserta yang hadir pada Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pengubahsuaian bagi sebuah booktruck, Arief Hakim Sani berkata kos adalah di antara RM80,000 sehingga PENGUMPULAN kajian serta tafsiran manuskrip Melayu perlu dipergiat bagi memastikan kelangsungan tamadun Melayu, sekali gus membina peradaban nasional Malaysia berlandaskan sumber asli dan tulen, kata seorang ahli akademik.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Malaysia Prof Datuk Dr Zainal Kling berkata, masyarakat Melayu kini kekurangan pakar yang boleh mengkaji manuskrip lama, memandangkan usaha itu banyak dilakukan oleh pusat-pusat kajian serta pakar-pakar di luar negara yang kini telah dimamah usia.

“Justeru, penting untuk memastikan bahawa kajian manuskrip Melayu itu menjadi tanggungjawab kita sepanjang masa, terutama kita di Malaysia yang masih berusaha keras membina sebuah bangsa, negara dan peradaban setelah berkuasa memerintah negara sendiri sejak 60 tahun lepas,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap tama pada Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur, Selasa. Persidangan tiga hari itu yang bertema 'Menjunjung Warisan Pusaka, Menjulung Peradaban Bangsa' dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia Tan Sri Omar Mohd Hashim.

Turut hadir Ketua Pengarah PNM Datuk Nafisah Ahmad. Pada masa ini, terdapat lebih 4,800 manuskrip Melayu di PNM dan dipercayai 20,000 lagi di seluruh dunia.

Bercakap kepada Bernama selepas itu, Zainal berkata hanya selepas kemerdekaan negara, usaha menyelami manuskrip Melayu giat dilakukan oleh pengkaji dalam negara sebagai sebahagian usaha membentuk tamadun Malaysia.

"Pengkajian sastera, bahasa dan budaya menjadi lebih kuat apabila Tun Abdul Razak memulakan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Rukunegara.

Pada masa itu, DEB beri satu confidence yang amat kuat untuk orang Melayu.

"Kita nak bina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana dari bahasa kita mampu naik ke peringkat global.

Itu yang mendorong untuk kaji dari semua sumber termasuk kebudayaan, antropologi, manuskrip, linguistik dan sastera," katanya.

Dalam pada itu, Zainal turut memuji penganjuran persidangan manuskrip Melayu oleh PNM yang dilihat sebagai usaha membina peradaban paling jitu dan bermakna dalam pembentukan tamadun Malaysia.

"Akhir-akhir ini, peradaban kita adalah manifestasi kesinambungan penerbitan hasil bertulis walau dalam apa bentuk sekalipun.

Tulisan tangan atau tulisan siber, itu adalah petanda paling utuh tentang kewujudan sesuatu peradaban dan tamadun," jelasnya. — Bernama